

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN "BENKEL PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN PERLINDUNGAN HAK WANITA
Lokasi : PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 16-07-1988

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian. Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini untuk merasmikan Bengkel Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Perlindungan Hak Wanita.

2. Saya berbangga di atas kejayaan gabungan persatuan-persatuan wanita mengadakan lagi bengkel mengenai aspek kebajikan wanita. Sebagai seorang wanita, saya sentiasa peka akan masalah yang dihadapi oleh wanita, khususnya wanita Islam di Malaysia. Oleh itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) Jabatan Perdana Menteri, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) dan Persatuan Peguam Wanita Malaysia kerana menganjurkan "Bengkel Pentadbiran Undang-Undang Islam dan Perlindungan Hak Wanita ini.

3. Agama Islam, agama yang maha suci dan mulia, memang menjamin hak wanita. Ianya telah termaktub di dalam Al-Quran dan telah pula dikuat-kuasakan oleh undang-undang negara. Namun begitu, saya sedar bahawa kaum wanita di negara ini tidak mengetahui bahawa hak itu wujud dan ianya terjamin. Malah disebabkan kejahilan itu maka timbullah salah anggapan bahawa undang-undang Islam adalah suatu undang-undang yang menindas dan menganiayai wanita. Kejahilan dan kekeliruan itu mestilah diatasi. Cara-cara mengatasinya ialah dengan meluas dan memperbanyakkan lagi program-program pengenalan undang-undang atau legal literacy programme. Saya mendapat tahu bahawa persatuan-persatuan seperti Persatuan Peguam Wanita dan Persatuan Wanita Universiti Malaya telah dan sering mengadakan program-program seperti ini. Akan tetapi ianya tidak memadai. Lebih banyak lagi langkah yang perlu diambil oleh persatuan-persatuan wanita agar matlamat menghapuskan kejahilan ini boleh tercapai. Walaupun sesuatu hak itu wujud, namun ianya tidak bermakna melainkan diketahui dan disedari oleh mereka yang mempunyai hak itu.

4. Satu perkara lagi yang merugikan kaum wanita ialah, walaupun ada yang tahu dan sedar akan hak-hak ini, namun mereka jahil pula tentang cara-cara dan prosedur-prosedur untuk menggunakan sepenuhnya hak tersebut. Adalah tidak memadai untuk mengetahui akan hak kita sahaja sekiranya kita tidak pula mengetahui bagaimanakah dan kepada siapakah kita harus pergi untuk mendapatkan hak itu.

5. Saya percaya ada di antara kita yang tidak tahu bagaimana hendak mendapatkan seorang peguam. Kalau ke mahkamah pula, berbagai-bagai rintangan, kesusahan dan sekatan yang dihadapi. Kita seringkali menghadapi masalah prosedur yang begitu membingungkan, masalah kelambatan dan penangguhan perbicaraan. Kita juga menghadapi masalah penguat-kuasaan perintah yang dibuat atau yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Pendek kata, berbagai-bagai kesusahan dan kekeliruan yang harus dihadapi.

6. Masalah yang dihadapi itu boleh diatasi sekiranya undang-undang yang berkait dengan prosedur di Mahkamah Syariah dan juga prosedur untuk pernikahan, perceraian dan perkara-perkara yang berkait dengannya dipinda. Ianya akan lebih baik lagi sekiranya prosedur itu dapat diselaraskan ke seluruh negara.

Dengan ini prosedur yang dikenali dan diikuti di Kuala Lumpur misalnya, adalah juga prosedur yang dikuat-kuasakan di negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan, Terengganu ataupun Sabah. Dengan penyelarasan prosedur di seluruh negara, dapatlah ianya menyenangkan pengguna-penggunanya, terutama sekali kaum wanita.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

7. Apa yang lebih menarik tentang matlamat bengkel ini ialah mencungkil maklumat daripada para peserta akan masalah dan kesusahan yang dihadapi, melalui pengalaman mereka dalam mencuba, mendapat atau menguat-kuasakan hak mereka. Ini adalah cara pendekatan yang positif. Daripada maklumat yang didapati itu nanti, insya-Allah kita dapat mengenal-pasti akan kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem sekarang ini supaya kita dapat mengatasinya.

8. Saya telah difahamkan bahawa bengkel ini juga bertujuan untuk mengkaji pentadbiran undang-undang Islam dan pelaksanaan enakmen-enakmen baru dari beberapa buah negeri. Dengan ini, diharapkan dapatlah dikenal-pasti akan kelemahan-kelemahan yang wujud dan dapat pula para peserta membincang dan menimbang cara-cara, pindaan-pindaan dan pembaharuan yang harus dibuat untuk mengatasi kelemahan itu.

9. Perbezaan antara enakmen-enakmen juga patut ditunjukkan kerana ia menimbul dan menambahkan kerumitan untuk memahami hak-hak wanita. Oleh itu, saya berharap para peserta dan pembentang kertas kerja dapat mencadang dan menimbang kemungkinan mewujudkan suatu undang-undang keluarga Islam yang seragam. Alangkah baiknya jika matlamat tersebut tercapai.

10. Daripada senarai perkara-perkara yang dibincangkan dan nama pembentang kertas kerja dan penceramahnya, saya percaya bengkel ini akan menghasilkan rumusan-rumusan yang bernas, yang akan menjadi pendorong bagi meningkatkan kedudukan wanita Islam di negara ini. Saya berharap pihak media massa akan memberi liputan yang menyeluruh kepada perbincangan di bengkel ini kerana isu-isunya adalah begitu penting kepada wanita di seluruh negara. Liputan akhbar dan media massa yang luas akan dapat memberi peluang kepada kaum wanita di negara ini yang tidak dapat bersama ke bengkel ini untuk mengikuti perkembangannya. Media massa berkewajipan memberi kesedaran dan menyampaikan maklumat kepada wanita tentang hak mereka dan cara untuk mendapatkan hak itu.

11. Saya berdoa agar dengan kejayaan bengkel ini nanti, insya-Allah matlamat matlamat kita untuk menentukan wanita Islam di negara ini memperolehi hak mereka yang sedia terjamin oleh agama suci kita akan termakbul.

12. Dengan doa itu dan di atas nama Allah Subhanahu wa Ta'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan "Bengkel Pentadbiran Undang-Undang Islam Dan Perlindungan Hak Wanita".

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.